

Mengkaji semula peranan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO)

oleh

SAMIRUL ARIFF BIN OTHMAN

Pegawai Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) telah ditubuhkan pada tahun 1995 untuk menggantikan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) dengan tujuan menggalakkan perdagangan global. WTO dirangka untuk memperkasa fungsi asal GATT dengan cara memantau pelaksanaan perjanjian perdagangan, menyediakan forum untuk rundingan perdagangan, memberi bantuan teknikal kepada negara membangun serta menyelesaikan perbalahan perdagangan melalui Badan Penyelesaian Sengketa (*Dispute Settlement Body* –DSB).

Jika sebelum ini, GATT mewujudkan peraturan ke atas perdagangan barangan, kini skopnya telah diperluaskan melalui WTO yang merangkumi bidang-bidang lain berkaitan seperti perkhidmatan dan hak harta intelek.

Kritikan terhadap WTO

Pelbagai pihak telah menyuarakan kritikan terhadap WTO dan cara ia dikendalikan. Salah satu kritikan adalah ianya cenderung untuk memanfaatkan negara maju dan dimasa yang sama mengabaikan kepentingan negara membangun. Tokoh seperti Profesor Jagdish Bhagwati dari Universiti Columbia dan pengarang "*In Defense of Globalization*" berpendapat bahawa kumpulan pelobi di negara maju telah berjaya menyusup masuk agenda mereka ke dalam perjanjian perdagangan dibawah seliaan WTO. Walaupun pada asalnya WTO direncanakan agar bersifat demokratik selain sebagai wadah untuk merencanakan hubungan dagangan bebas diantara negara. Namun demikian WTO kurang berkesan mencapai matlamat ini disebabkan ketidakseimbangan begitu ketara yang wujud.

Apa yang berlaku adalah sebaliknya negara membangun dengan kekuatan ekonomi yang kecil terdedah kepada risiko eksploitasi. Umpamanya mendiang George P. Brockway seorang tokoh politik ekonomi dan penulis "*The end of economic man*" mendakwa bahawa syarikat multinasional (MNC) sangat bergantung kepada sumber buruh yang murah dari negara membangun. Dalam membandingkan situasi masakini dengan amalan kolonialism zaman penjajahan dahulu, Brockway menyifatkan WTO sebagai sebua organisasi

1

Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

yang mempromosi *neoimperialisma*. Apa yang dimaksudkan disini adalah perjalanan sesebuah negara dipengaruhi oleh globalisasi perniagaan & kapitalisma yang tidak terkawal sehingga sampai ke tahap menjejaskan kepentingan nasionalnya sendiri.

Hakikatnya adalah MNC mengambil kesempatan kos buruh murah di negara membangun. Lazimnya peraturan berkenaan alam sekitar dan undang-undang buruh juga adalah lebih longgar disini. Seterusnya suasana ini boleh mewujudkan persaingan yang tidak sihat dan keadaan ini akan menjejaskan pembangunan mampan global untuk jangkamasa panjang.

Disamping itu, masih kerap berlakunya krisis kewangan global yang melanda dunia walaupun sejak penubuhan WTO, sebenarnya menunjukkan bahawa organisasi ini kurang berkesan dalam tadbir-urus ekonomi global. Seorang lagi pengkritik pula, John A. Ragosta, berpendapat DSB adalah berat sebelah dan tidak telus.

Patutkah WTO dimansuhkan?

Golongan yang berpendapat bahawa WTO patut dimansuhkan memberikan beberapa sebab –WTO didakwa melebihi kepentingan komersial mengatasi segalanya, sehinggakan pemerintah sesebuah negara hilang keupayaan untuk mentadbir. Dalam konteks lebih besar, tumpuan terhadap perdagangan global diutamakan berbanding dasar-dasar pembangunan ekonomi wilayah setempat. Mereka mendakwa bahawa WTO perlu diganti dengan suatu kerangka baru yang memberikan tumpuan terhadap demokrasi, kepelbagaian dan alam sekitar.

Namun demikian, ada juga yang berpendapat bahawa WTO patut dirombak dan bukannya dimansuhkan. Kenapa perlu bersusah payah untuk membina suatu sistem yang baru dan meranapkan sistem yang sedia ada. Bukankah lebih mudah untuk mengenalpasti kelemahan sistem yang ada sekarang dan mengambil langkah-langkah untuk memperbaikinya. Disamping itu, tiada jaminan bahawa masala-masalah yang ada sekarang dapat diselesaikan dengan mewujudkan suatu kerangka alternatif baru. Pedagang matawang terkenal George Soros sebagai contohnya, berpendapat bahawa WTO perlu ditransformasi dan bukannya digantikan dengan sebuah organisasi baru.

Dunia boleh menerima manfaat besar dari perdagangan bebas, akan tetapi dalam mempromosi agenda tersebut tentu akan timbul pelbagai perbalahan. Disinilah diharap WTO mampu memainkan perannya dalam menangani sengketa yang melanda. Sungguhpun Soros melihat perlunya sesuatu organisasi seumpama WTO, beliau akur bahawa perjalanan organisasi tersebut penuh dengan kepincangan.

Bagi mereka yang sependapat dengan Soros, mereka inginkan WTO diperkasa memandangkan ianya memainkan peranan yang penting. Profesor Bhagwati yang kuat mempertahankan WTO megusulkan agar sepatutnya Ketua Pengarah WTO diberi sumber secukupnya untuk melaksanakan tugas beliau. Bhagwati

menangkis dakwaan kononya WTO terlalu fokus kepada agenda perdagangan bebas sehingga menghiraukan aspek pembangunan nasional.

Tentu sekali tidaklah menghairankan jika WTO sendiri megemukakan hujah pembelaan, menurut mereka kerancakkan perdagangan membawa kepada kemakmuran dan keamanan. WTO melindungi kerajaan negara-negara anggota dari manipulasi pihak luar.

Antara cadangan spesifik berkenaan agenda transformasi WTO termasuklah penambahbaikan Pusat Khidmat Nasihat Undang-undang WTO (*Advisory Center on WTO Law*) yang bertempat di Geneva, Switzerland. Pusat ini berperanan untuk memberikan bantuan latihan dan perundangan kepada negara-negara membangun. Ini memandangkan undang-undang WTO berkenaan hak dan kewajiban adalah kompleks. Justeru itu bagi membolehkan negara membangun menyertai kerangka ekonomi antarabangsa dengan lebih bermakna, mereka perlu menghayati dan memahami apakah hak dan kewajiban mereka.

Fungsi WTO sebagai badan timbangtara dan mahkamah antarabangsa juga dapat diserlahkan sekiranya penambahbaikan dilakukan ke atas DSB. Ketika merundingkan penyelesaian, negara-negara membangun harus mendapatkan kepakaran Pusat Khidmat Nasihat Undang-undang WTO.

Pakar ekonomi perdagangan Claude E. Barfield dari American Enterprise Institute (AEI) menambah walaupun perubahan-perubahan positif ini perlu dilaksanakan, ianya perlu disertai dengan perubahan sikap. Para pemimpin perlu menerima dengan dada lapang bahawa terdapat tuntutan untuk berubah ke arah lebih baik.

Kesimpulan

Suatu sistem penyelesaian perbalahan perdagangan global diperlukan ketika dunia menyaksikan peningkatan mendadak perdagangan antara negara. Penyertaan lebih bermakna ahli-ahli anggota mungkin tercapai sekiranya perjalanan WTO menjadi lebih telus dan terbuka. Dan seterusnya dengan membuka lebih banyak peluang untuk melibatkan diri dalam WTO, akan menjadikan WTO lebih adil dan saksama. Akhirnya semua pihak dalam kerangka ekonomi antarabangsa akan dapat menerima segala ketetapan WTO.